

Lebih 2,000 orkid pelbagai spesies dijual

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Lebih 2,000 pokok orkid pelbagai spesies akan dipamer dan dijual pada Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 yang bermula 30 Oktober hingga 4 November ini.

UPM dalam satu kenyataan berkata, pameran dan jualan tersebut yang akan diadakan di Astaka Orkid, Bukit Ekspo UPM menyediakan pelbagai spesies menarik yang dijual dengan harga berpatutan sepanjang ekspo tersebut berlangsung.

Katanya, semua pokok orkid tersebut akan dijual antara RM18 hingga RM50 setiap satu bergantung kepada jenis, antaranya

Phalaenopsis sp; *Vanda* sp; *Ara-chis* sp; *Denrobiun* sp; *Cattleya* sp dan *Oncidium* sp.

"Sebanyak 10 gerai jualan orkid dan pokok hiasan turut diadakan dalam pameran tersebut. Pengunjung boleh membeli terus orkid yang dihias dan disusun dalam ruangan pameran itu.

"Kita turut mengadakan demonstrasi gubahan orkid yang akan diadakan setiap hari sepanjang ekspo itu. Sebanyak tiga sesi diadakan iaitu sesi pertama bermula 12 tengah hari manakala sesi kedua (3 petang) dan sesi ketiga (5 petang)," kata kenyataan tersebut.

Dalam pada itu, UPM berkata,

beberapa aktiviti lain turut diadakan sempena pameran itu seperti penyelidikan, hiasan dan teknik menanam, merawat serta mengelakkan jangkitan kulat pada orkid.

"Ekspo percuma yang akan diadakan secara enam hari itu turut menawarkan harga berpatutan iaitu RM10 untuk setiap anak pokok buah-buahan dan pokok durian, manakala pokok herba pula antara RM6 hingga RM8.

"Jumlah jualan adalah terhad dan dijangka akan habis dalam masa singkat. Orang ramai dinasihatkan datang awal jika berminat untuk mendapatkan pokok-pokok tersebut," katanya.